

22/12/1997

PM arah tambah barangan kawalan (HL)

Shamshul Azree Samshir

SEPANG, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengarahkan senarai barangan kawalan dan barangan yang harganya ditetapkan oleh kerajaan ditambah sebagai langkah menangani isu kenaikan harga barangan di seluruh negara.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob, berkata langkah menambah senarai barangan kawalan serta produk yang harganya ditetapkan kerajaan perlu dibuat kerana rakyat mengeluh dengan sikap peniaga menaikkan harga barangan sesuka hati.

"Saya diarahkan oleh Perdana Menteri untuk menambah senarai barangan itu dalam mesyuarat mingguan Kabinet, Rabu lalu.

"Pegawai kementerian sedang mengkaji cadangan Dr Mahathir dan mengenal pasti barangan lain yang sesuai dimasukkan ke dalam kedua-dua senarai itu," katanya selepas merasmikan pembukaan awal Kelab Golf Emville di Dengkil, dekat sini, hari ini.

Setakat ini, kementerian menyenaraikan 20 barangan termasuk gula, tepung dan susu pekat manis sebagai barangan kawalan manakala senarai barangan harga yang ditetapkan oleh kerajaan merangkumi 12 bahan termasuk ayam, minyak masak dan simen.

Selain itu, kementerian memperkenalkan senarai 25 barangan keperluan musim perayaan bagi mengelak kenaikan harga.

Megat Junid berkata, pegawai kementerian akan mengenal pasti barangan yang sering dinaikkan harga bagi tujuan mengaut keuntungan berlebihan sebagai panduan memilih barangan yang sesuai dimasukkan ke dalam senarai sedia ada.

"Selain itu, kita juga memikirkan untuk menyenaraikan barangan yang harganya sering tidak menentu sebagai tambahan kepada senarai sedia ada.

"Kita juga akan mengkaji bagaimana tekanan pasaran memberi kesan kepada harga barangan yang tidak tergolong dalam senarai barangan yang ditetapkan kerajaan," katanya.

Beliau berkata, kementerian juga akan menimbang untuk memasukkan barangan mentah ke dalam kedua-dua senarai itu demi kepentingan pengguna.

Menurutnya, kajian untuk mengenal pasti barangan yang sesuai dimasukkan ke dalam kedua-dua senarai itu perlu mengambil sedikit masa kerana ia membabitkan banyak peringkat kajian dan kelulusan.

(END)